



Disediakan oleh:

MOHD YAZID KASIM¹

Timbalan Pengarah Kanan, BPAN

NEWSLETTER

EVOLUSI STRUKTUR EKONOMI MALAYSIA MELALUI STATISTIK KDNK

PENGENALAN

Salah satu matlamat pengurusan ekonomi sesebuah negara ialah memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Dalam hubungan ini **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** atau lebih dikenali sebagai *Gross Domestic Products (GDP)* adalah salah satu komponen dalam Perakaunan Negara, telah digunakan secara meluas di seluruh dunia sebagai tanda aras pengukuran saiz dan kadar pertumbuhan ekonomi sesebuah negara atau wilayah. Jabatan Perangkaan Malaysia ialah agensi rasmi Kerajaan yang menyusun dan menerbitkan statistik rasmi KDNK Malaysia.

DEFINISI KDNK

Dari segi konsep KDNK boleh dikira menerusi **tiga (3) pendekatan utama iaitu Pengeluaran , Perbelanjaan dan Pendapatan seperti berikut :**

- i. KDNK Pengeluaran adalah jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. jumlah nilai tambah bagi semua pengeluar dalam ekonomi.
- ii. KDNK berasaskan kaedah perbelanjaan bersamaan jumlah bagi semua komponen perbelanjaan akhir ke atas barang dan perkhidmatan ditolak dengan import barang dan perkhidmatan.
- iii. KDNK berasaskan kaedah Pendapatan ialah hasil jumlah semua pendapatan terakru bagi pengeluaran dalam ekonomi merangkumi komponen pendapatan kepada faktor pengeluaran.

Rajah 1 : KAEADAH PENYUSUNAN KDNK

Kaedah Pengeluaran	Kaedah Perbelanjaan	Kaedah Pendapatan
Output Kasar - Input Perantaraan = Nilai Ditambah Nota : KDNK ialah jumlah nilai ditambah bagi semua pengeluar dalam ekonomi	Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta + Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan + Pembentukan Modal Tetap Kasar + Perubahan Inventori + Eksport - Import	Pampasan Pekerja + Lebihan Kendalian dan Pendapatan Campuran + Perbelanjaan Modal Tetap + Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import

Nota : KDNK Kaedah Pengeluaran dan Perbelanjaan disusun dan diterbitkan pada harga semasa dan harga malar 2015 sementara KDNK Pendapatan hanya diterbitkan pada harga semasa sahaja.

Penyusunan KDNK oleh
Jabatan Perangkaan
Malaysia
Tahun Asas 1970 - 2015

1970



BASE YEAR



Terbit pada 1977
Mengikut Garis Panduan SNA 1953
dan SNA1968

Terbit pada 1985
Mengikut Garis Panduan SNA 1968

Terbit pada 1999
Mengikut Garis Panduan SNA 1993

Terbit pada 2007
2000 - 2006

2005-2011

Released in 2015
2010-2014

Released in 2019
2015-2018

Nota ¹ : Dapat dan pandangan penulis tidak semestinya mewakili pandangan rasmi organisasi DOSM

1

BANCI
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020

DATA ANDA MASA DEPAN KITA



Pastikan Anda
DIBANCI



20 OCT 2016-2030



PRESTASI KDNK 2019

4.3% Pertumbuhan KDNK Malaysia pada 2019

KDNK pada Harga Malar

RM1.42 trillion

KDNK pada Harga Semasa

RM1.51 trillion

Pendapatan Negara Kasar (PNK) *

RM1.47 trillion


Pendapatan Negara Kasar Per kapita *

RM45,131

Nota :


* : Nilaian pada harga semasa

Pertumbuhan KDNK dari segi Pengeluaran disokong oleh Sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian.



Nota: 2019 — 2018

KDNK mengikut jenis Perbelanjaan disokong oleh Perbelanjaan penggunaan akhir




EVOLUSI EKONOMI MALAYSIA

STRUKTUR EKONOMI

Malaysia telah melalui evolusi ekonomi yang ketara sejak tahun 1970. Daripada ekonomi berdasarkan pertanian pada tahun 1970, Malaysia telah beralih kepada ekonomi berdasarkan perindustrian dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi seperti – Rajah 2. Pada tahun 1988/1989 sektor pembuatan telah mengatasi sektor pertanian dari aspek sumbangan nilai ditambah kepada KDNK. Dasar kerajaan yang menumpukan sektor perkhidmatan bernilai tambah tinggi menyaksikan sektor perkhidmatan menjadi tunjang ekonomi Malaysia dengan sumbangan kepada KDNK melebihi 50 peratus mulai 2008.

Rajah 2 : Sumbangan Nilai Ditambah Mengikut Aktiviti Ekonomi Kepada KDNK^a (Peratus)




Nota ^a : Angka adalah berdasarkan anggaran penulis berdasarkan siri masa data KDNK pelbagai tahun asas dan mungkin berbeza dengan dapatan kajian lain. Peratus sumbangan tidak mengambil kira IBSC dan FISIM yang tidak diagihkan

2



EVOLUSI EKONOMI MALAYSIA


Rajah 3 : KDNK, Kadar Pertumbuhan Tahunan 1970-2019 Pada Harga Malar 2015^b



Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif telah mencatatkan purata pertumbuhan tahunan KDNK sebanyak 6.2 peratus bagi tempoh 1970-2019. Sepanjang tempoh tersebut Malaysia hanya mengalami kemelesetan ekonomi sebanyak tiga (3) kali iaitu pada **tahun 1985, 1998 dan 2009** – Rajah 3. Prestasi ekonomi dan pemuliharan pantas daripada kemelesetan ekonomi yang cepat berkait rapat dengan pengukuhan asas ekonomi negara yang kukuh dan dasar pembangunan yang responsif kepada keperluan semasa.

Nota ^b : Angka adalah berdasarkan anggaran penulis dan mungkin berbeza dengan dapatan kajian lain.

PENDUDUK DAN PENDAPATAN NEGARA KASAR (PNK) PER KAPITA



Nota ^c : Angka adalah berdasarkan anggaran penulis dan mungkin berbeza dengan dapatan kajian lain.

Berdasarkan pengelasan Bank Dunia 2018, Malaysia berada dalam kelompok negara *Upper Middle Income* dengan nilai PNK Per Kapita sebanyak USD10,590 (Kedudukan ke- 67 di dunia) dan menghampiri status negara berpendapatan tinggi yang mana PNK Per Kapita dengan garis pendapatan perkapita USD12,375. Justeru, statistik KDNK dan Perakaunan Negara telah memberikan *reality check* kepada pencapaian sosio ekonomi negara.

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

3